

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK MENJADI SYARIKAT AP TERBUKA**

---

### **1. PENDAHULUAN**

Garis panduan ini merangkumi syarat-syarat kelayakan untuk memohon sebagai syarikat AP Terbuka (Kereta dan Motosikal) dan prosedur permohonan.

### **2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON**

2.1. Syarikat-syarikat yang layak memohon adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bertaraf Sdn. Bhd.;
- (ii) Syarikat berstatus Bumiputera yang memenuhi kriteria berikut:
  - a) Saham-saham syarikat dimiliki 100 peratus oleh individu Bumiputera;
  - b) Semua Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Bumiputera;
  - c) Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan/Pengurus Besar, Pengurus Cawangan, Pengurus Pemasaran/Jualan dan jawatan-jawatan penting lain (key posts) hendaklah dipegang oleh Bumiputera; dan
  - d) Pengurusan kewangan syarikat hendaklah dikuasai oleh Bumiputera termasuk kuasa menandatangani cek.
- (iii) Syarikat yang mempunyai pengalaman minimum dua (2) tahun dan sedang beroperasi dalam apa-apa bidang perniagaan;
- (iv) Mempunyai modal berbayar minimum RM1 juta dan maksimum RM10 juta;
- (v) Syarikat tidak mempunyai perubahan pemegang saham/Ahli Lembaga Pengarah dalam tempoh dua (2) tahun sebelum memohon untuk mendapatkan AP Terbuka;
- (vi) Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka kereta, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka kereta lain;
- (vii) Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka motosikal, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka motosikal lain;

- (viii) Syarikat mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa sedia ada di peringkat pengurusan, pemasaran dan teknikal minimum seramai 5 orang pekerja tempatan;
  - (ix) Syarikat memiliki atau menyewa kemudahan ruang pejabat yang bersesuaian; dan
  - (x) Syarikat mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan keuangan untuk menjalankan perniagaan penjualan kenderaan yang diimport melalui AP Terbuka dan dibuktikan dengan rekod jualan yang dinyatakan melalui penyata kewangan telah diaudit untuk tempoh dua (2) tahun terkini.
- 2.2. Syarikat (termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham) yang telah disenarai hitam oleh Kementerian tidak layak memohon.

### **3. PROSEDUR PERMOHONAN**

#### **3.1. Borang Permohonan**

- (i) Syarikat perlu mengemukakan Borang Permohonan AP Terbuka beserta dokumen yang disenaraikan dalam borang permohonan kepada Kementerian ini; dan
- (ii) Borang permohonan boleh diperolehi dengan memuat turun di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) .

#### **3.2. Penghantaran Permohonan**

Permohonan AP Terbuka yang lengkap boleh dikemukakan pos:

**Pengarah**

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import**

Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri  
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri  
Aras 7, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur

(Serahan tangan boleh dibuat di kaunter 8, Pusat Khidmat Sehati MITI.  
Waktu Operasi: 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)

### **4. PERINGATAN**

Syarikat-syarikat diingatkan bahawa:

- (i) Kementerian tidak melantik mana-mana pihak sebagai ejen/pengantara untuk menerima dan menilai permohonan AP Terbuka;

- (ii) Sebarang pemalsuan maklumat berkaitan permohonan AP Terbuka akan menyebabkan permohonan syarikat dibatalkan dan syarikat (termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham) akan disenarai hitam;
- (iii) Penerimaan borang permohonan beserta dokumen tidak menjamin kelulusan dan hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses;
- (iv) Proses penilaian adalah berdasarkan pematuhan kepada syarat-syarat kelayakan untuk memohon sebagai Syarikat AP Terbuka dan hasil dapatan audit oleh Kementerian; dan
- (v) Proses penilaian ini juga tertakluk kepada dasar semasa, garis panduan dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

## **5. PERTANYAAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan AP Terbuka, sila hubungi:

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import  
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri  
Kementerian Pelaburan, Perdagangan Industri  
Aras 2, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur**

Nombor telefon : 03 - 6208 4711/4713/4728/4729/4733  
E-mel : apterbuka@miti.gov.my